



PERTANDINGAN VIDEO PENDEK

KEMPEN KONSERVASI
AIR

5 APRIL - 5 JULAI 2019





PERTANDINGAN VIDEO PENDEK

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) melancarkan Pertandingan Video Pendek 2019 bagi membuka peluang kepada warganegara Malaysia untuk menonjolkan bakat masing-masing sekaligus memahami tanggungjawab sebagai pengguna bagi menjimatkan penggunaan air.

OBJEKTIF:

Meningkatkan kesedaran pengguna dalam menjimatkan penggunaan air dalam kehidupan seharian.

Memupuk semangat memelihara dan memulihara sumber air bagi menjamin kelangsungan sumber air di Malaysia.

TEMA PERTANDINGAN:

JOM JIMAT AIR!

SYARAT DAN TERMA PERTANDINGAN:

1. Pertandingan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia di seluruh negara.
2. Pertandingan boleh dikemukakan secara individu atau berkumpulan.
3. Video harus menepati tema dan hendaklah berunsur MOTIVASI serta INSPIRASI namun bebas dalam mana-mana genre (Contoh: KOMEDI, TUTORIAL, DOKUMENTARI).
4. Durasi video hendaklah selama minima 30 saat dan tidak melebihi 90 saat.
5. Setiap video pendek adalah merupakan hasil karya sendiri dan tidak meniplak karya orang lain. Sekiranya video yang dihantar didapati bukan karya asli, penyertaan peserta akan dibatalkan serta merta.
6. Karya hendaklah tidak melibatkan isu-isu sensitif, keagamaan, perkauman atau politik.
7. Bahasa yang boleh digunakan ialah Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.





8. Kos penyertaan pertandingan dan penghasilan video hendaklah ditanggung oleh peserta.

9. Tiada had jumlah penyertaan ditetapkan.

10. Peserta hendaklah mempunyai akaun facebook dan hendaklah like dan follow facebook Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) sebagai salah satu syarat untuk mendaftar.

11. Video hendaklah dimuat naik ke laman web **www.wetransfer.com** dan diemelkan kepada **jimat@span.gov.my** beserta maklumat peribadi seperti berikut:

Nama Penuh ;

Nombor Kad Pengenalan ;

Nombor telefon ;

Alamat E-mel ;

Alamat /nama laman facebook peserta ;

12. Video tersebut juga hendaklah dimuat naik ke dalam akaun facebook masing-masing dengan menyertakan tanda pagar **#JOMJIMATAIR** serta **#JIMATJANGANBAZIR** di kepsyen serta tag akaun facebook **Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara**.

13. Tempoh pertandingan adalah daripada **5 April 2019 hingga 5 Julai 2019**.

14. Video yang dihasilkan hendaklah dihantar di dalam format **mov, avid** dan **mp4** sahaja.

PENILAIAN:

1. Keputusan pertandingan ini adalah berdasarkan penilaian panel juri SPAN.

2. Bahan video yang dipilih sebagai pemenang akan menjadi hak milik mutlak Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara. SPAN berhak untuk menggunakan video tersebut bagi tujuan promosi dan pendidikan.





3. Keseluruhan video yang dihantar oleh peserta akan dinilai mengikut kriteria dan pecahan skema pemarkahan berikut:

Menepati tema	30
Idea (Kandungan, Penyampaian)	30
Kreativiti	30
Jumlah tontonan, perkongsian dan like di FB	10
MARKAH KESELURUHAN	100

HADIAH:

Maksimum 5 pemenang akan diumumkan pada setiap satu bulan. Setiap pemenang akan menerima hadiah berupa;

**WANG TUNAI
RM 1000!**

